

**UCAPAN PERASMIAN OLEH
YANG BERBAHAGIA EN. ABDUL MUNTALIB BIN JULI
PENGARAH, BPIS
JABATAN TAMAN LAUT MALAYSIA
PULAU AUR CLEAN UP EXPEDITION AND CORAL RESTORATION 30 OGOS 2015
9.45 PAGI PUSAT TAMAN LAUT PULAU AUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia, **En. Shahar bin Yope, Ketua Pegawai Kewangan MMC Corporation Berhad**

Yang Berusaha, **En. Yusop bin Rashid, Malakoff Corporation Berhad**

Yang Dihormati, **En. Mohd Nizam bin Ismai, Pengarah Jabatan Taman Laut Johor**

Yang Berusaha, **Puan Sabinah Binti Mohd Seth, Ketua Kg. Pulau Aur**

Yang Berbahagia, **Ketua-ketua Jabatan dan wakil-wakilnya**

Para pengusaha pelancongan, para penyelam sukarelawan yang datang dari pelbagai jabatan/agensi/NGOs dan perseorangan, pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Aur.

Tuan-tuan, Puan-puan, serta hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur setingginya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua maka dapat kita sama-sama hadir pada pagi ini ke Majlis Perasmian Program Pulau Aur Reef Clean Up serta Program Coral Restoration bersempena dengan sambutan Hari Merdeka “Sehati Sejiwa” ke 58 tahunu 2015.

Tuan/Puan, Hari Merdeka Sehati Sejiwa disambut oleh seluruh masyarakat Malaysia apabila diumumkan dengan secara rasminya oleh Perdana Menteri Pertama, YTM Tuanku Abdul Rahman pada setiap 31 Ogos. Hari Merdeka “Sehati Sejiwa” disambut

dengan bertujuan untuk meningkat kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara dan keharmonian masyarakat dan kelestarian alam sekitar melalui tema yang dekat dihati kita semua "Sehati Sejiwa." Jabatan Taman Laut Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil kesempatan sempena sambutan ini dengan kerjasama Malakoff Corporation Berhad melalui program JTLM untuk mengadakan Program Pulau Aur Reef Clean Up.

Seperti tuan/puan sedia maklum, program yang bermula dari 28 hingga 30 Ogos 2015 ini bertujuan untuk membersihkan persekitaran kawasan dasar taman laut antaranya dari ancaman makhluk perosak tapak Sulaiman mahkota berduri atau Crown of Thorns (C.O.T). Cebisan pukut hanyut dan pemantauan kesihatan terumbu karang serta populasi Kima.

Bukan itu sahaja, malah kesihatan terumbu karang juga diancan dengan kehadiran sampah serta tinggala njaring dan pukut nelayan. Maka, dengan usaha kita pada tiga hari ini, adalah diharapkan supaya terumbu kita dapat dipulihara dan bebas dari ancaman yang dinyatakan tadi.

Tuan/Puan,

Program yang dianjurkan pada tahun ini juga adalah diharapkan dapat mengeratkan perhubungan dan persefahaman antara Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dengan pihak berkepentingan di Pulau Aur terutamanya penduduk kampung dan operator pelancongan. Saya juga berharap melalui program ini, pemahaman penduduk Pulau aur terhadap peraturan Taman Laut dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai Taman Laut juga semakin meningkat. Ini adalah untuk memaju dan memperkemas usaha JTLM kea rah pembentukan Taman Laut yang lestari. Sebagai makluman, terdapat satu lagi program iaitu Coral Restoration berlangsung di Pulau Aur yang bermula pada hari ini, 28-31 Ogos 2015.

Program ini telah dijayakan dengan kerjasama JTLM melalui peruntukan yang disediakan oleh Malakoff Corporation Berhad dan Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab laut. Program ini dijalankan pada setiap tahun bermula pada tahun 2013. Program CSR adalah bertujuan memperkenalkan program pendidikan marin dan kesedaran yang berkekalan untuk pelajar sekolah dan penduduk tempatan di pulau-pulau Taman Laut.

Hadirin yang dihormati sekalian, seperti yang kita sedia maklum, Pulau Aur adalah pulau yang terbesar di dalam gugusan 3 buah pulau-pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Aur yang telah digazetkan sebagai Taman Laut pada tahun 1994. Namun begitu, aspek kesedaran tentang pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem marin masih ditahap sederhana dan ianya perlulah dipertingkatkan.

Ini kerana kepelbagaian hidupan marin terdapat di Taman Laut Pulau Aur yang tidak ternilai harganya dan ianya perlulah dijaga agar asset yang bernilai ini tidak musnah begitu sahaja. Sebagai contoh kawasan terumbu karang dan biodiversiti di sekelilingnya merupakan komponen yang sangat penting dalam ekosistem marin. Terumbu karang yang sihat boleh menampung kira-kira 25% daripada kesemua spesies hidupan marin. Sekitar 10% daripada spesies ikan komersil pesisir pantai menetap di terumbu karang manakala 40% lagi menggunakan terumbu karang dalam jangka hayat mereka sebagai tempat untuk bertelur atau mencari makanan.

Oleh itu, adalah penting bagi terumbu karang serta habitat disekelilingnya dipulihara sebagai warisan semulajadi dan dilindungi daripada kerosakan dan kemerosotan. Kerosakan yang kecil mampu menyebabkan ketidakseimbangan dalam ekosistem dan mampu menyebabkan keseluruhan ekosistem musnah. Nilai warisan terumbu karang di Taman Laut Pulau Aur mempunyai kepentingan yang amat besar.

Setakat ini, 183 spesies batu karang sudah direkodkan di Pulau Aur iaitu jumlah tertinggi jika dinabdingkan dengan Taman Laut Redang. Mempunyai 232 spesies ikan terumbu karang yang dijumpai dikawasan terumbu karang pulau ini, juga merupakan jumlah yang paling tinggi berbanding dengan taman-taman laut yang lain. Menyedari Pulau Aur mempunyai khazanah negara yang tinggi nilainya, JTLM telah mengambil inisiatif mengadakan program Coral Restoration dan Pulau Aur Reef Clean Up Expedition yang merupakan program kesedaran terhadap kepentingan menjaga biodiversity marin.

Walaupun kumpulan sasaran adalah berbeza, diharapkan mesej yang ingin disampaikan melalui program-program ini dapat difahami dengan sebaiknya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Fenomena kelunturan karang (coral bleaching) merupakan isu yang hangat diperkatakan pada masa kini. Kelunturan karang adalah satu bentuk tekanan kepada terumbu karang yang melibatkan kegagalan hubungan simbiotik di antara karang (coral) dan alga unisel 'zooxanthellae'.

Gejala-gejala kelunturan termasuklah kehilangan warna secara beransur-ansur apabila 'zooxanthellae' keluar dari tisu karang, sehingga menyebabkan tulang karang berwarna putih. Walaupun ia factor alam semulajadi, JTLM amat mengambil berat akan isu ini.

Oleh itu, JTLM telah menubuhkan Pasukan Petugas Coral Bleaching (Coral Bleaching Taskforce) untuk menangani isu ini. Kerjasama yang erat antara Jabatan dan pengusaha selam scuba khususnya serta para penyelam dan penduduk tempatan amat diprlukan dalam memantau dan melaporkan kepada Jabatan sebarang perubahan terhadap terumbu karang kita ini. Dengan adanya kerjasama seumpama ini, ia akan dapat meningkatkan lagi kefahaman masyarakat Pulau Aur tentang kepentingan memelihara dan memulihara ekosistem marin serta mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat tempatan dengan JTLM.

Distinguished participant and honorable guest, I would like to extend s warm welcome to all of you to Pulau Aur Marine Park and thank you for participating in this Pulau Aur Reef Clean-Up Expedition 2015 in conjunction of Merdeka Day. It is a pleasure and a privilege for me to be able to address such a great gathering of people who are the player and driving forces in helping the Marine Park to protect, conserve and manage in perpetuity representative marine ecosystems of significance, particularly coral reefs and their associated flora and fauna, so that they remain undamaged for future generations. Our aim of a Reef clean-up is to reduce or prevent the damaging impact of COTs as well as marine debris on our coral reefs.

Tuan/Puan,

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada semua anggota Jabatan Taman Laut Negeri Johor kerana telah berusaha keras dalam menganjurkan program ini. Seterusnya sekalung penghargaan kepada pengusaha pelancongan di Pulau Aur serta penduduk tempatan yang telah memberi kerjasama kepada pihak Jabatan dalam usaha memulihara dan menjaga ekosistem terumbu karang kita, para penyelam sukarelawan kerana sudi meluangkan masa untuk datang ke Pulau Aur tidak kira dari mana anda berasal untuk hadir ke program ini dan akhir sekali kepada para pelajar Sekolah Kebangsaan Pulau Aur berserta para gurunya yang menyertai program masyarakat ini. Dengan lafaz Bismillah, saya dengan ini merasmikan Program Aur Reef Clean Up bagi tahun 2015. Yang baik itu dating dari Allah SWT dan yang buruk itu disandarkan atas kelemahan diri kita sendiri.

Sekian, terima kasih.